

Laungan 'Malaysia Boleh' merentasi benua

UM 30/10/2003 - 7 PRECISE

Oleh MOHD TAUFIK RAZAK, HARADIAN SHAH HAMDAN dan MEOR HARMAN MEOR SHAKRI (WARTAWAN UTUSAN)

BAGAIKAN sudah tersurat, di mana sahaja Dr. Mahathir berada, di situlah munculnya kejayaan yang memberangsangkan dalam bidang sukan. Pembangunan sukan negara sebelum era Dr. Mahathir yang seakan kaku berubah menjadi lebih pragmatik dan berwawasan sebaik menerima cetusan dimensi baru Perdana Menteri. Pelbagai perancangan yang tidak pernah dan mustahil dilakukan dalam dunia sukan sebelum ini, tiba-tiba menjadi agenda besar Dr. Mahathir.

Beliau dilihat menjadi orang pertama menjadikan sukan sebagai alat untuk menyatukan rakyat serta menjulang nama bangsa dan negara di mata dunia.

Ini diakui Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Mazlan Ahmad yang melihat penglibatan Dr. Mahathir dalam pembangunan sukan negara mula menonjol selepas Malaysia berjaya merangkul Piala Thomas pada tahun 1992.

Sejak itu, persepsi dan perancangannya terhadap sukan makin kerap dilontarkan termasuk mencadangkan agar Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998.

"Kejayaan menganjurkan Sukan Komanwel selepas itu telah membuka mata banyak pihak mengenai kemampuan Malaysia dan sejak itu banyak kejohanan antarabangsa kerap diadakan di negara ini.

"Kesan daripada kejayaan itu juga turut menyaksikan atlet negara mula menyinar di peringkat antarabangsa menerusi kata-kata keramat 'Malaysia Boleh', ujarinya.

Antara pengiktirafan yang diterima Malaysia selepas itu ialah mendapat hak menganjurkan perlumbaan kereta Formula Satu (F1) dan lumba basikal Le Tour de Langkawi.

Kemajuan

Mazlan menyimpulkan idea Dr. Mahathir sebagai pencetus kepada kemajuan dan era baru sukan negara.

"Pada saya, beliau memberi dorongan untuk kita mencuba, beliau memberi keyakinan untuk kita menunjukkan kemampuan dalam sukan.

"Walaupun dia tidak terlibat dalam banyak sukan selain minat mendalamnya terhadap sukan berkuda tetapi kepimpinan beliau itu pada saya amat penting untuk membolehkan kita merangka tindakan untuk maju dalam sukan," tambahnya.

Mazlan turut melihat Datin Seri Dr. Siti Hasmah sebagai orang yang memainkan peranan besar yang membuatkan Dr. Mahathir tertarik dengan sukan.


Jika Piala Thomas 1992 boleh dianggap sebagai pembuka laluan yang berjaya mengubah persepsi Dr. Mahathir terhadap sukan, pembinaan Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil pula dianggap Mazlan sebagai sumbangan pertama dan terbesar Dr. Mahathir dalam sukan negara sepanjang menjadi Perdana Menteri.

"Kompleks yang menelan belanja RM800 juta itu adalah sumbangan terbesar beliau yang mana telah berjaya meletakkan Malaysia sebagai antara negara yang memiliki kemudahan sukan terbaik di dunia," jelasnya.

Di hujung persaraannya, Dr. Mahathir mengakhiri sumbangannya dengan mengumumkan peruntukan permulaan RM50 juta untuk membina kemudahan sukan di luar bandar dalam Bajet 2004 baru-baru ini.

"Itu pada saya merupakan satu tindakan paling baik sebelum beliau bersara," ujar Mazlan.

Bagi Presiden, Kesatuan Olahraga Amatir Malaysia (KOAM), Datuk Khalid Yunus, walaupun Dr. Mahathir bukan ahli sukan dalam erti kata yang se-



N. MOHANDAS

benar tetapi sebagai ketua kerajaan beliau amat peka terhadap peranan sukan dalam pembentukan bangsa dan negara.

"Saya melihat sumbangan Dr. Mahathir dalam merapatkan persefahaman dan perpaduan di kalangan rakyat yang terdiri daripada generasi muda.

"Oleh itu kita lihat di sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai Perdana Menteri, beliau tidak mengabaikan bidang yang boleh memupuk dan mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat.

Khalid berkata, Dr. Mahathir apabila membuat sesuatu perkara, beliau berpijak di bumi nyata.

"Ini bermakna, beliau memahami cara-cara untuk meletakkan sukan di negara ini di tempat yang betul dan semurna," tegasnya.

Secara keseluruhan kesungguhan Dr. Mahathir bukan sahaja untuk menyediakan kemudahan asas, latihan dan peruntukan sewajarnya tetapi turut turun padang bersama atlet baik semasa berlatih atau bersaing.

Malah di era pimpinannya, setiap kejayaan yang dicapai oleh para atlet dibersihkan pengiktirafan.

Sumbangan Dr. Mahathir tidak terhenti di situ sahaja tetapi diteruskan dengan memperkenalkan kepada rakyat Malaysia satu siri projek mencipta nama.

Kejayaan Projek Everest 1997, menjadi kisah yang begitu bermakna bagi Malaysia yang pada ketika itu sentiasa dahagakan pencapaian di peringkat kelas dunia.

Kejayaan dua pendaki, M. Magendran dan N. Mohandas ke puncak gunung tertinggi dunia itu seolah-olah meleraikan kebuntuan yang dicari oleh rakyat Malaysia selama ini.


M. Magendran berkata, Dr. Mahathir merupakan 'orang kuat' di balik tabir yang banyak memberi perangsang kepada Projek Everest 1997.

Perkembangan

Katanya, selaku penaung projek itu, Dr. Mahathir sentiasa mengikut perkembangan usaha mendaki Gunung Everest termasuk cuba menghubungi para pendaki selepas mendapat berita kejayaan mereka.

"Dr. Mahathir seorang penyokong kuat kepada Projek Everest 1997 ini, malah sebelum kami pergi ke Nepal pun, beliau memberi banyak nasihat agar kami sentiasa mengutamakan soal keselamatan," katanya.

Rakannya, N. Mohandas pula berkata, Dr. Mahathir sentiasa mengingatkan kami agar sentiasa berhati-hati semasa



AZHAR MANSOR

memulakan pendakian dan menuruni Gunung Everest.

"Kami diminta jangan mengambil tindakan melulu tanpa usul periksa, kerana keadaan di sana amat berbahaya," katanya.

Menurut Mohandas, pesanan dan keprihatinan Dr. Mahathir itu sungguh menyentuh perasaan malah sukar dilupakan oleh para pendaki negara yang menganggapnya sebagai pembakar semangat untuk berjaya.

Kisah kejayaan pelayaran Datuk Azhar Mansor secara solo mengelilingi dunia selama 190 hari turut menjadi fokus utama.

Azhar bukan sahaja membuktikan keupayaan anak Malaysia tetapi juga merintis laluan baru di bidang maritim dan semangat kental tatkala berdepan dugaan besar apabila tiang utama kapal layarnya patah.

Angin kencang pada suatu ketika hampir menenggelamkan kapal layar Jalur Gemilang namun hasil kegigihan dan semangat cabaran itu beliau tempuh dengan berani.

Namun, dugaan besar menimpa Azhar dan menjadi tamparan hebat bagi Jalur Gemilang apabila tiang layar utama patah akibat dipukul ribut menyebabkan beliau terkandas di Kepulauan Falklands.

Selama 14 hari di lambung badai Azhar akhirnya tiba di Tanjung Leewin selepas belayar sejauh 1,859 batu nautika.

Ketika keadaan menjadi tidak menentu di Kepulauan Falklands, Perdana Menteri menghulurkan bantuan untuk membolehkan beliau kembali meneruskan misinya.

Pasukan khas Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menerbangkan tiang gantian dengan pesawat C130 bagi membolehkannya menyambung semula pelayarannya.

Selama 190 hari belayar, beliau akhirnya kembali semula ke Langkawi dan diberikan sambutan meriah termasuk Perdana Menteri yang turut menunggu ketibaannya.

Azhar mengakui kejayaannya menamatkan cabaran mengelilingi dunia hasil dorongan rakyat Malaysia dan peranan penting yang dimainkan oleh Dr. Mahathir.

Kejayaan Azhar itu sesuatu yang harus dibanggakan oleh semua rakyat Malaysia.

Tidak dapat dinafikan, banyak kisah kejayaan Malaysia di mata dunia bersandarkan suntikan semangat Perdana Menteri.

Begitu juga ekspedisi terjun bebas Ku-



MALIK MYDIN

tub Utara merupakan satu lagi usaha untuk membuktikan kemampuan anak Malaysia dalam arena mencabar dan berani bersaing.

Enam belas rakyat Malaysia, termasuk seorang wanita, menjadi kumpulan orang Asia yang pertama terjun dari kapal terbang di Kutub Utara apabila mereka membuat penerjunan bebas di kawasan tersebut itu.

Sementara itu, kepercayaan dan keyakinan tinggi Dr. Mahathir terhadap usaha perenang maraton negara, Datuk Abdul Malik Mydin merupakan pemangkin kepada kejayaannya merentasi Selat Inggeris.

Menurut perenang itu, pertama kali menyuarakan hasrat untuk berenang merentasi selat tersebut, Dr. Mahathir memberi sokongan padu dan yakin beliau mampu melakukannya.

Semangat

"Dr. Mahathir tak pernah persoalkan sama ada saya mampu buat atau tidak. Sebaliknya beliau sentiasa memberi semangat yang saya pasti boleh," katanya.

Justeru tambah Abdul Malik, ketika bergelut dengan ombak besar pada 5 kilometer terakhir renangannya, beliau bertekad menguatkan semangatnya kerana tidak mahu mengecewakan Perdana Menteri.

"Ketika itu saya terfikir, kalau saya gagal saya akan menghampakan harapan beliau selain 22 juta rakyat Malaysia," tegasnya.

Abdul Malik mencatat sejarah apabila berjaya melakukan renangan merentasi Selat Inggeris dari Dover, England sejauh 32.8 kilometer dalam masa 17 jam 30 minit, Julai lalu.

Kejayaan wira samudera berusia 28 tahun itu sekali gus menjadikannya rakyat Malaysia dan Asia Tenggara pertama berjaya melakukan renangan di selat yang penuh cabaran itu, sejak kali pertama dilakukan oleh Kapten Matthew Webb pada tahun 1875.

Menurut Abdul Malik, Perdana Menteri juga sentiasa menyuntik semangat kepada beliau setiap kali berdepan masalah sepanjang usaha melakukan renangan di selat itu.

Beliau mengakui terharu ketika kali pertama menerima pesanan dan kata-kata perangsang dari Dr. Mahathir iaitu sehari sebelum dijadualkan berenang pada 23 Julai lalu.

"Ketika itu, Dr. Mahathir mendoakan saya berjaya dalam cabaran tersebut dan mengharumkan nama negara," katanya.